



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI  
KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI SEBAGAI KEMENTERIAN  
PENERAJU PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI**

1. Kementerian Hal Ehwil Ekonomi (MEA) merupakan sebuah kementerian kanan yang telah ditubuhkan pada 12 Mei 2018 bagi mengambil alih peranan dan fungsi agensi pusat yang sebelum ini telah dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.
2. MEA masih lagi menjalankan fungsi utama EPU, antara lain menyelaras penyediaan rancangan pembangunan keseluruhan sosioekonomi negara, melaksana penyelidikan sosioekonomi serta menentu dan mengagih siling peruntukan pembangunan. Bagi memperkukuhkan lagi proses perancangan pembangunan sosioekonomi negara, fungsi MEA telah disusun semula dan dimantapkan dengan fungsi pelaksanaan dan pemantauan dasar dan program pembangunan di peringkat kebangsaan, wilayah dan negeri.
3. Pelaksanaan dan pemantauan dasar di peringkat MEA pula disokong oleh 32 buah agensi yang diletakkan di bawah seliaan MEA (rujuk Lampiran), terutamanya agensi yang berkait secara langsung dengan agenda pengagihan kekayaan bagi mengurangkan kesenjangan dan ketidaksamarataan yang wujud, iaitu ARB, EKUINAS, FELDA, FGV, RISDA, TERAJU, tiga Yayasan berkaitan agenda Bumiputera dan kesemua 13 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.
4. Agensi khas yang berkaitan dengan pembangunan sektor, industri dan infrastruktur tertentu juga telah diletakkan di bawah seliaan MEA, iaitu BPMB, FELCRA, JKP, JPDC, HDC, HSR Corp, MPRC dan Yayasan Ekuiti Nasional. Akhir sekali, Jabatan Perangkaan Malaysia turut berada bersama MEA bagi menyokong penggubalan dasar yang lebih mantap.
5. MEA akan meneruskan fungsi menyelaras penyediaan pelan pembangunan sosioekonomi yang telah bermula sejak tahun 1950 dengan penerbitan Draf Pelan Pembangunan Malaya Pertama. Selepas 13 buah Pelan Pembangunan Lima Tahun dilaksanakan, ekonomi negara telah berkembang dengan kadar purata 6.2% setahun dalam tempoh hampir empat dekad (1971-2017), iaitu lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 3.1% dan ekonomi baru muncul sebanyak 4.7% setahun.

6. Pertumbuhan ekonomi ini berlaku seiring dengan kadar inflasi yang rendah dan stabil, iaitu kurang daripada 3% secara purata dalam tempoh yang sama. Negara juga telah menikmati tahap guna tenaga penuh semenjak 1992 lagi, iaitu kadar pengangguran kurang dari 4%.
7. Pada peringkat antarabangsa pula, Malaysia dianggap sebagai negara yang berdaya saing, di mana ia kini berada pada kedudukan ke-22 daripada 63 negara menurut *IMD World Competitiveness Yearbook 2018*. Malaysia juga berada di tangga ke-15 daripada 190 negara menurut *World Bank Doing Business 2018* dan merupakan antara tiga destinasi utama pelaburan langsung asing di Asia Tenggara.
8. Dalam tempoh empat bulan MEA ditubuhkan, MEA telah menyediakan dokumen dasar pembangunan sosioekonomi yang pertama bagi Kerajaan Pakatan Harapan dalam bentuk dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri di Parlimen pada 18 Oktober 2018.
9. KSP RMKe-11 menetapkan keutamaan dan penekanan baharu dasar Kerajaan dengan menggariskan enam tonggak dasar yang bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada dan menetapkan semula sasaran sosioekonomi. Dokumen tersebut turut mengambil kira aspirasi Kerajaan baharu serta cabaran ekonomi dan trend global semasa.
10. KSP RMKe-11 telah memperkenalkan anjakan dalam pemikiran pembangunan bagi mereformasikan institusi dengan menggariskan agenda islah yang akan menyuntik kekuatan baharu pada institusi awam melalui ciri-ciri ketelusan, akauntabiliti dan integriti.
11. KSP RMKe-11 akan turut menangani isu kesenjangan dan ketidaksamarataan yang masih wujud antara kaum, kumpulan pendapatan dan wilayah secara komprehensif bagi menentukan pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif.
12. Seterusnya, bagi menentukan kesemua 66 strategi dan 204 inisiatif KSP RMKe-11 dilaksanakan dengan efektif, MEA telah menerbitkan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) pada 17 Disember 2018 sebagai rujukan kepada semua kementerian dan agensi. Pemantauan dan pelaporan yang berkala pada peringkat tertinggi Kerajaan akan dimulakan pada tahun 2019 bagi memastikan 80 sasaran yang ditetapkan dalam KSP RMKe-11 akan tercapai.
13. Di samping itu, MEA juga telah menyemak semula keutamaan projek dan program yang dilaksanakan di bawah RMKe-11 bagi mengurangkan beban kewangan dan hutang Kerajaan, termasuk merundingkan penangguhan projek utama Keretapi Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

14. MEA turut berjaya menganjurkan Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 pada 1 September 2018, di mana sebanyak 63 resolusi telah dicadangkan merangkumi pelbagai dimensi. Kerajaan akan memastikan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera dapat membentuk generasi Bumiputera baharu yang berdaya tahan, berpegang teguh kepada nilai moral, berintegriti dan rajin bekerja.
15. Keutamaan aktiviti MEA pada 2019 ialah antara lain menyiapkan Kertas Putih mengenai pelan pemulihan FELDA. Sementara itu, MEA telah memastikan bahawa komitmen Kerajaan kepada peneroka FELDA dipenuhi dengan meneruskan pemberian Bantuan Sara Hidup kepada mereka. Bersama Kementerian Kewangan, MEA turut terlibat dalam pelan pemulihan Lembaga Tabung Haji bagi memperkukuhkan kembali institusi ikonik negara berkenaan. Usaha juga telah dimulakan untuk meneliti kedudukan BPMB dan menangani cabaran di institusi berkenaan.
16. MEA telah memulakan proses penyediaan rangka pembangunan pasca-2020 dalam menentukan hala tuju pembangunan sosioekonomi negara bagi jangka masa yang lebih panjang. Dalam hubungan ini, MEA akan menerajui beberapa kajian sosioekonomi mengenai cabaran-cabaran masa hadapan, termasuklah antara lain kajian mengenai *Fourth Industrial Revolution* bagi memastikan negara bersedia untuk menghadapi impak dari ledakan teknologi yang akan menukar gaya hidup masyarakat.
17. MEA sedang turut menyemak semula proses dan mekanisme perancangan sedia ada bagi menambah baik perancangan pembangunan negara. Penglibatan pelbagai pihak dan aspirasi rakyat akan diambil kira dalam merangka pembangunan negara agar pertumbuhan ekonomi terus bermakna, bersifat inklusif dan holistik serta mampu membawa Malaysia menjadi semula sebuah negara yang dikagumi di mata dunia.
18. Alamat rasmi MEA:  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Blok B5 dan B6  
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya  
Tel: 03 - 8000 8000  
Laman web rasmi: [www.mea.gov.my](http://www.mea.gov.my)  
Facebook: [www.facebook.com/meamalaysia/](https://www.facebook.com/meamalaysia/)

**SENARAI AGENSI DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

1. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
2. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
3. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Berhad
4. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
5. Halal Development Corporation (HDC)
6. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)
7. Amanah Raya Berhad (ARB)
8. Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
9. Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)
10. Malaysia Petroleum Resources Corporation Berhad (MPRC)
11. Johor Petroleum Development Corporation (JPDC)
12. FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV)
13. JKP Sdn. Bhd. (JKPSB)
14. MyHSR Corporation Sdn. Bhd. (MyHSR Corp)
15. Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera
16. Yayasan Ekuiti Nasional
17. Yayasan Pelaburan Hartanah Bumiputera
18. Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)
19. Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)
20. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKNPs)
21. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)
22. Penang Development Corporation (PDC)
23. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)
24. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)
25. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)
26. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)
27. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
28. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS)
29. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM)
30. Johor Corporation (JCORP)
31. Sarawak Economic Development Corporation (SEDC)
32. Sabah Economic Development Corporation (SEDCO)